

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[KINABATANGAN]**

**TARIKH : 14 Mac 2018 (Rabu)**

**SOALAN : 38**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

sejauh manakah kejayaan Kerajaan mengawal perairan Sabah dari dicerobohi sejak penubuhan ESSCOM. Berapa ramai pendatang asing di Sabah yang telah dihantar pulang ke negara asal dan berapa ramai pendatang asing yang masih berada di Sabah.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang Dipertua,**

ESSCOM telah mengukir pelbagai kejayaan sejak penubuhan ESSCOM. Antara kejayaan utama adalah tiada penculikan dilaporkan pada tahun 2017. Setakat ini, ESSCOM berjaya menghalang sebarang pencerobohan kali kedua oleh kumpulan penjenayah dari selatan Filipina sesuai dengan objektif penubuhannya. Sepanjang 5 tahun penubuhan ESSCOM, ESSCOM juga telah berjaya menggagalkan 15 cubaan culik di perairan Pantai Timur Sabah.

Pada tahun 2016 pula menyaksikan kejayaan ESSCOM dalam mengambil langkah ofensif dengan melakukan penyamaran di atas bot nelayan semasa Op Coral. Kesan daripada itu, pasukan keselamatan (PGA) iaitu "*Tiger Platoon*" telah berjaya menembak mati tiga anggota kumpulan Abu Syyaf ketika melakukan penculikan pada 8 Disember 2016.

ESSCOM turut agresif dalam mengambil tindakan terhadap jenayah rentas sempadan yang berlaku di Pantai Timur Sabah pada tahun 2017. Hal ini dibuktikan apabila pasukan keselamatan telah menembak mati seorang penjenayah yang disyaki tali barut kepada kumpulan penculik untuk wang tebusan (KFR) di perairan Pulau Burung,

7

Kunak melalui Ops *Sea Hunter* pada 29 September 2017. Tidak terhenti di situ, pada 4 Disember 2017, Pasukan Khas ESSCOM berjaya menembak mati seorang penjenayah rentas sempadan di perairan Silam Lahad Datu. Sejak dari kejadian itu, tiada lagi kes penculikan yang dilaporkan berlaku di kawasan perairan Pantai Timur Sabah.

Terbaru, hasil kerjasama dengan Ibu Pejabat Polis Tawau, tiga suspek penjenayah yang disyaki ada kaitan dengan DAESH telah ditembak mati di jalan Kalabakan -Keningau Tawau pada 27 Februari 2018. ESSCOM sentiasa komited dalam memastikan keselamatan Pantai Timur Sabah dalam keadaan aman dan terkawal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengisytiharan kawasan ESSZONE pada dasarnya adalah bagi mengekang pencerobohan bersenjata di Pantai Timur Sabah. Tanggungjawab ini diperluaskan untuk mengekang jenayah rentas sempadan seperti penyeludupan dan penculikan. Secara tidak langsung tindakan ini telah membantu dalam mengurangkan aktiviti pencerobohan / pendaratan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke Sabah.

ESSCOM sentiasa prihatin dengan isu lambakan pendatang asing (PATI) di negeri Sabah. Dengan itu pendekatan yang diambil oleh ESSCOM bagi menangani masalah ini adalah dengan melaksanakan kerjasama dengan semua agensi keselamatan dan penguatkuasaan.

Agensi-agensi yang terlibat terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Negeri Sabah (JIMS), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Kastam Negeri Sabah (JKNS) dan lain-lain agensi penguatkuasaan.

ESSCOM dengan agensi terlibat sentiasa melaksanakan pelbagai operasi dan pemantauan secara berterusan di perairan pantai timur Sabah termasuk 10 daerah kawalan ESSCOM bagi membendung kemasukan PATI di Sabah.

Antara operasi yang sering kali dijalankan adalah Operasi Bersepadu (OB) dan Operasi Gabungan Semua Agensi Kerajaan (GASAK). Operasi ini mengguna pakai konsep Strategi Lautan Biru (NBOS) yang mengabung jalin pelbagai agensi di dalam satu operasi. ESSCOM juga bekerja rapat dengan Jabatan Imigresen Sabah khususnya serta lain-lain agensi dalam pengoperasian membanteras serta mengekang kehadiran PATI. Konsep **Tiada Hari Tanpa Operasi** adalah digunapakai oleh ESSCOM sehingga ke hari ini. Pada tahun 2017, ESSCOM melalui Operasi Bersepadu telah memeriksa serama 69,680 orang dan menangkap seramai 1,538 orang yang dipercayai pendatang asing tanpa izin.

79

Sungguhpun demikian, Sabah khususnya ESSZONE masih terdedah kepada ancaman penjenayah rentas sempadan sehingga kini. Ancaman tersebut bukanlah sesuatu yang baru tetapi telah dihadapi sejak tahun 1960an lagi. ESSCOM sentiasa memandang serius dan sentiasa bersiap-siaga dalam menghadapi sebarang ancaman agar penculikan tidak lagi berlaku di Kawasan ESSZONE.

Sekian, terima kasih.